

10 Oktober 2020 (Selasa)

LRA baharu di Port Dickson tampung bekalan air bersih

SEREMBAN - Sebuah Loji Rawatan Air (LRA) baharu dengan sistem takungan air atau *Off River Storage* (ORS) akan dibina di Port Dickson bagi menangani keperluan bekalan air bersih dalam jangka panjang.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia bagi menampung keperluan bekalan air untuk penduduk di Port Dickson dan Nilai.

"Projek ini adalah cadangan daripada Kerajaan Negeri Sembilan kepada kerajaan Persekutuan susulan penduduk yang semakin bertambah.

"Bagaimanapun, kos keseluruhan pembinaannya masih belum diputuskan, namun kita sudah membuat lawatan tapak di lokasi dan ia akan dibina secepat mungkin selepas selesai urusan berkaitan," katanya pada sidang akhbar di Pejabat



Pengarah Urusan Matrik Holdings Berhad, Ho Kong Soon (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan RM200,000 kepada Aminuddin (empat dari kiri) selepas sidang akhbar di Pejabat Menteri Besar semalam.

Menteri Besar di sini semalam.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, sebuah lagi LRA iaitu LRA Ngori-Ngori 2 di Seremban dijangka dibina pada pertengahan tahun depan bagi menampung bekalan air bersih untuk penduduk Seremban

utara.

Terdahulu, kerajaan negeri semalam menerima sumbangan sebanyak RM200,000 daripada Matrik Holdings Berhad bagi membantu penduduk di Negeri Sembilan yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.